



## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

### DANA PENDIDIKAN RM1 JUTA MELALUI AKAUN SSPN-i

1. Dalam usaha memupuk serta menggalakkan ibu bapa dan anak-anak memulakan penabungan sejak awal usia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan kerjasama Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) buat julung kalinya telah menganjurkan Peraduan Dana RM1 juta Harapan. Peraduan itu bertujuan memupuk nilai dan sikap suka menabung dalam kalangan kanak-kanak sejak kecil untuk jaminan pendidikan di masa hadapan
  
2. Peraduan ini yang telah diadakan pada 5 April 2021 sehingga 30 Mei 2021 lalu merupakan kolaborasi strategik PTPTN dengan DLMI yang merupakan pengeluar susu lembu dan produk tenusu di Malaysia. Hadiah yang disediakan berjumlah RM1 juta dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i). Setiap pemenang menerima RM25,000 melibatkan 40 pemenang. Nilai hadiah yang ditawarkan ini adalah tajaan sepenuhnya oleh pihak DLMI.
  
3. PTPTN dan DLMI pertama kali menjalankan kerjasama strategik pada tahun 2021 dalam menggalakkan ibu bapa menyediakan tabungan pendidikan anak-anak sejak mereka masih kecil di samping memberikan panduan kepada ibu bapa memilih susu formula dengan nutrisi lengkap untuk si kecil. Melalui peraduan ini diharapkan dapat membantu masyarakat Malaysia memupuk budaya penabungan khususnya bagi tujuan pendidikan untuk masa hadapan yang lebih cerah.

4. Dalam usaha untuk menjadi peneraju tabung pendidikan tinggi negara, PTPTN sentiasa mengalu-alukan penglibatan agensi Kerajaan dan syarikat korporat untuk menjadikan SSPN-i sebagai pilihan utama sebagai pemberian hadiah, insentif atau sumbangan melibatkan program, anugerah, kempen dan peraduan. Ini kerana SSPN-i merupakan produk simpanan terbaik dengan menawarkan pelbagai keistimewaan seperti manfaat pelepasan taksiran cukai, dividen yang kompetitif, perlindungan takaful secara percuma, simpanan dijamin kerajaan dan skim ini patuh syariah.
5. PTPTN mengucapkan tahniah kepada para pemenang yang berjaya. Senarai pemenang Peraduan Dana RM1 juta Harapan boleh diperoleh melalui laman sesawang <https://www.smartmoments.com.my/ms/dana-sejuta-harapan/>. Para pemenang juga boleh membuat semakan berkenaan wang tunai yang dimenangi di penyata SSPN-i melalui Portal Rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).